

FOUNTAIN OF KNOWLEDGE

Follow us on  Twitter
like us on  Facebook



MELAWAT.. YBhg. Datu Putit Matzen, Pengerusi PSMCS turut meluang masa melawat ke tapak pameran

HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA BENGKEL PENULISAN ESEI SEJARAH

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Esei Sejarah bertempat di Hotel One Santubong pada 13 – 15 Januari 2012. Seramai 80 orang peserta yang menyertai program ini mendaftar menjadi ahli percuma di Pustaka Negeri Sarawak selama setahun. Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran turut mempamerkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti U-Pustaka, Kesedaran Bahan-bahan Terbitan, "Information Packaging Services", CD Siri Sarawakiana dan sebanyak 220 buah buku Mendiang Ho Ah Choon telah berjaya dijual.



LARIS.. Koleksi buku Mendiang Ho Ah Choon antara yang terlaris ketika pameran

TAHUKAH ANDA ?

- Jika semua selur darah dalam tubuh manusia dicantumkan ia boleh meliputi jalan raya sepanjang 96,000 km
- Manusia bernafas kira-kira 23,000 kali dalam tempoh 24 jam.

INFO U-PUSYAKA

- Tahukah anda, dengan menjadi ahli U-pustaka anda boleh meminjam 3 buah buku untuk tempoh 1 bulan dari 7 buah perpustakaan di seluruh Malaysia.



PAMERAN.. Antara perkhidmatan-perkhidmatan Pustaka yang dipamerkan



CEO MESSAGE



Assalamualaikum w.b.t.

Last year has seen many important happenings in various aspects of human life mainly in the political, social, technological and even natural disasters. As for Pustaka Negeri Sarawak, the turning point where e-books overtook printed books in sales and the viral popularity of tablet computers are two most significant developments worth our carefull attention. Borders, the second biggest bookstore in the US, filed for bankruptcy partly due to intense competition from e-books and Apple became the most valuable company mainly due to iPad success.

Malaysia like many other open market countries will be significantly affected by these developments and Sarawak is no exception. Globalisation means those who don't change with the global trends will be left behind and doom to fail. This is why Pustaka through collaboration with Lincoln Corner Sarawak, introduced tablet service with initial 2 iPads and 4 Kindles. Users can borrow them for internal use and they come with preloaded applications and e-books.

Pustaka also provides collections of e-books for users to access using computer terminals available at the Multimedia Gallery or from their own computers via Internet. Purchase of printed books will continue as we go through this transition into more digital and interactive media. Reading has become more interesting and enriching with more information available for our users anywhere, anytime.

Apart from that the u-Pustaka pilot project, of which Pustaka is one of the consortium member, is undergoing a lot of improvements since its launching early last year. Though not as ubiquitous as digital content, this service has enabled Malaysians to borrow printed books from anywhere within the country. The books will be posted to their address.

I wish readers of this newsletter a happy 2012 and enjoy learning for life.

Pustaka, Your Research Haven!

Japri Bujang Masli
Pemangku Ketua Pengawai
Eksekutif

EDITORIAL COMMITTEE

ADVISOR

Japri Bujang Masli

EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

COMMITTEE MEMBERS

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawe

Sofina Tan Sofian Tan

Alya Faeqah Hj Hamali

Norzihan Abdullah

Mohd. Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



www.pustaka-sarawak.com

BULETIN 5S AKTIVITI GOTONG ROYONG

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)



Antara langkah mempertingkatkan amalan 5S, pada 20 Februari 2012 yang lalu, Komiti 5S dengan kerjasama Unit Pengurusan Bangunan telah mengadakan gotong royong secara serentak di sekitar kawasan Pustaka Negeri Sarawak dan Rekod Repositori Negeri, Jalan Sultan Tengah. Gotong royong yang dimulakan pada jam 7.30 sehingga jam 10.00 pagi ini berjaya memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan di kalangan staf selain dapat menghidupkan bumi dan membersihkan kawasan daripada menjadi vektor penyakit. Aktiviti sihat ini akan dijadikan sebagai program bulanan Komiti 5S Pustaka Negeri Sarawak sejajar dengan moto "Persekitaran Kondusif Kerja Efektif".



PROGRAM JELAJAH U-PUSTAKA DI LUNDU, LINGGA, ENKILILI & BELADIN

oleh : Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

Program Jelajah u-Pustaka telah diadakan di Perpustakaan Awam Lundu pada 16 Februari 2012. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar dari SMK Sematan dan SMK Lundu telah mengikuti sesi taklimat u-Pustaka ini.



Program ini juga turut diadakan untuk pelajar SK Beladin dan SMK Beladin di Pusat Jalur Lebar Beladin pada 24 Februari 2012. Seramai 35 orang pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah telah mengikuti program ini dan mereka turut mendapat pengetahuan untuk program ICT dari DANAWA Resources.

Program yang sama juga turut diadakan pada 22 Februari 2012 di Pusat Jalur Lebar Komuniti Lingga dengan seramai 25 orang peserta dari SK Lingga yang mengikuti sesi taklimat u-Pustaka ini. Di samping itu, program pembelajaran ICT telah diadakan oleh pihak DANAWA Resources turut meningkatkan pengetahuan ICT para pelajar di kawasan luar Bandar.

Pada 23 Februari 2012, program jelajah u-Pustaka juga telah diadakan di Pusat Jalur Lebar Komuniti Engkilili yang telah disertai oleh 23 orang pelajar dari SMK Engkilili. Program pengajaran ICT turut diadakan oleh pihak DANAWA Resources untuk memberi pengetahuan ICT kepada masyarakat luar bandar.



CERAMAH KOMUNITI: ALERGI DI KALANGAN KANAK-KANAK

oleh : Norlailawaty Ismail (norlai2@sarawak.gov.my)



Reaksi alergi bermula apabila seseorang dengan sistem imun hipersensitif terdedah kepada alergen yang boleh jadi hama debu yang ditemui di rumah, rumput, pokok, debunga, haiwan kesayangan, lipas, kulapuk, habuk dan lain-lain.

Pada 28 Februari 2012 yang lepas, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan ceramah kesihatan bertajuk "Alergi di Kalangan Kanak-kanak" yang disampaikan oleh Dr Alex Lu Yieng Lung dari Normah Medical Specialist Centre. Ceramah kesihatan ini diadakan di Auditorium, Tingkat 1, Pustaka Negeri Sarawak.

Dr Alex Lu secara ringkasnya telah mengupas mengenai masalah alergi yang menyerang kanak-kanak. Lazimnya kanak-kanak berusia satu tahun hingga lima tahun lebih cenderung untuk diserang masalah alergi. Dalam kebanyakan kes simptom-simptom dapat dilihat di tiga bahagian tubuh iaitu gastrousus, respiratori dan kulit. Kebiasaannya kanak-kanak akan mengalami simptom di bahagian gastrousus dan kulit.

Sebagai tindakbalas, tubuh akan mengaktifkan sejenis sel darah putih yang dikenali sebagai 'mast cell' yang kemudian mencetuskan tindakbalas inflamasi. Secara fizikal kesan ini dapat dilihat apabila mereka yang terbabat mula bersin berulang kali, mengalami hidung berair dan berasa gatal di hidung dan mata. Simptom ini boleh bertambah buruk jika tiada tindakan diambil. Selepas beberapa jam mereka yang terbabat mungkin mengalami hidung tersumbat, mata membengkak, rasa letih, tidak dapat mengawal perasaan atau mengalami gangguan tidur.

Oleh itu, ibu bapa harus mengambil langkah penjagaan yang dinasihatkan oleh doktor. Pastikan persekitaran anak anda bersesuaian dengan tahap kesihatan mereka. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta yang hadir dan penceramah.

FIRST PUSTAKA MIRI'S CUSTOMERS DAY FOR YEAR 2012

oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI ... As an effort to create an awareness of the functions of Pustaka Miri, a Customers Day (Hari Bersama Pelanggan) was held on Saturday, 28th January 2012 at Emari Miri.

The open counter, which was the first of such for year 2012, was held from 9:30am to 5:00pm and attracted some 150 visitors.

The library staffs were at hand to explain to visitors the library facilities and services as well as activities and memberships available.



"FUN LEARNING... Children enjoying doing simple puzzles."

More than 20 visitors registered or renewed their library membership at the counter and they were given tokens of appreciation while children were treated to games and puzzles.

Similar event will be held throughout the year in and outside Pustaka Miri as part of the effort in promoting what the library has to offer to all levels of the community.



"LET ME HELP YOU... Library Assistant Khuzainah Khalid (standing) assisting one of the visitors to register her daughter while Administrative Assistant Siti Rohana Saat (right) looks on."

CeRMIN

Common e-Government Repository & Managed Information Netcommunity


oleh : Nor Juliet Edward Mungug (norjuliet@sarawak.gov.my)

“ Jika di tangan saya ada wang seringgat dan saya berikan ianya kepada insan lain, tiada lagi wang yang tinggal untuk diberikan kepada insan lain. Akan tetapi jika saya mempunyai ilmu dan ilmu itu saya berikan kepada insan lain, ilmu itu tetap berada pada diri saya dan saya masih boleh memberikan ianya kepada insan lain. Dan insan itu juga boleh menyampaikannya pula kepada insan yang lain. ”


Adalah penting dan berkesannya sumbangan kita jika kita bersama-sama berkongsi ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Dengan adanya kemudahan yang telah disediakan, marilah kita berkongsi ilmu di dalam sistem perkongsian ilmu kerajaan Negeri Sarawak, CeRMIN (Common e-Government Repository & Managed Information Netcommunity, yang merupakan repositori pangkalan data bagi menyimpan dokumen-dokumen dalam pelbagai format yang telah disumbangkan oleh pengguna-pengguna Sarawaknet yang terdiri daripada kakitangan dari kesemua agensi kerajaan Negeri Sarawak. CeRMIN sangat mudah digunakan dan hanya menggunakan log-in akaun emel Sarawaknet anda. Sila layari, <http://cermin.sarawaknet.gov.my> untuk menyumbang dan membaca artikel-artikel yang sedia ada untuk menambah ilmu pengetahuan.

Statistik Untuk Cermin:


Rajah I : Number of submission/postings in CeRMIN by month from Jan 2011 to Feb 2012



Rajah II : Bilangan pengguna yang mencapai CeRMIN sepanjang bulan dari tahun 2011 sehingga 2012




Rajah III : Top 10 list of agencies accessing the system



Rajah IV : Top down list number of overall submissions according to the individual and organization

| Organisation Name | Contributor Name | Submissions |
|---|-----------------------------------|-------------|
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Musa Bin Ayob Abd Rahman | 62 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Wan Mazli Wan Razali | 37 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Dayang Norafzan Bt Abang Naruddin | 35 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Fairol Azli Banchit | 29 |
| Sarawak Biodiversity Centre | Asha Devi Kausahal | 27 |
| Majlis Bandaraya Kuching Selatan | Tey Guan Huat | 26 |
| Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. | John Wong | 21 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Edison Ricket | 17 |
| Unit Pembangunan Sumber Manusia & Kualiti | Tan Ling Ling | 14 |
| Kementerian Pembangunan Sosial | Ismondry Ali | 13 |
| Jabatan Pertanian | Hadjan Binti Jahar | 11 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Freda Binti Padel | 11 |
| Jabatan Tanah Dan Ukur | Christina Lau Kieng Hung | 10 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Amalina Bt Drahman | 10 |
| Pustaka Negeri Sarawak - Kuching | Jeysi Bt Halmi | 9 |
| Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. | Shia Yang | 9 |
| Jabatan Ketua Menteri | Azri Bin Ibrahim | 8 |

Rajah V : The existing postings in CeRMIN





Borneo Tattoo Showcase At Pustaka Miri Received Overwhelming Response

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... 'Nicely done!' – Deborah Nangan ~ 'Great art to explore!' – Noorashikin Mohd. Sabri ~ 'Organize it again!' – Stephen Wong – these were some of the comments received from visitors to the Tattoo Showcase.

Pustaka Miri organized a showcase on 'Getting To Know Borneo Tribal Tattoo' (Mengenali Tatu / Seni Cacah Suku Bangsa Borneo) recently and it attracted some 600 visitors to the library.

The showcase was held for two (2) days on 24th and 25th February 2012. It started off with an exhibition in the library's Ground Floor Foyer and opened to public from 11:00am to 7:00pm on both days.

The purpose of the showcase was to share knowledge on the dying art of traditional Borneo tattoo in the effort of culture preservation, in particular Iban tattoos.

On Friday, 24th February 2012, Ismail Lumut – who is a Borneo tattoo art researcher and enthusiast, presented a talk on the subject. He was joined by a renowned Sarawak tattoo artist Robert Mayau from Kapit.

Both explained the significant aspects of getting tattoos for the tribes in Sarawak as well as the meaning of the traditional tattoos.

The second day saw Robert showing his skills in doing the rare hand-tap tattoo. The demonstration was held in the exhibition area. The intricate and unique yet time-consuming technique demonstration attracted many visitors thronging the library.

Robert, who is an internationally acclaimed tattooist, was also at hand throughout the exhibition to answer questions posed by visitors.

Apart from the demonstration and talk, there were booths selling tattoo-related t-shirts, books and other merchandises. There were a number of visitors who went and got themselves permanent or temporary (henna) tattoos during the showcase.

The event was made even more memorable with a gathering by nine (9) local cars and motorcycle clubs. More than 100 cars, motorcycles and scooters were put on display in Pustaka Miri's front courtyard.



TAP TAP...One of the visitors getting his tattoos done using the traditional hand-tap method.



TAKING PART TOO...Some of the motorcycle clubs members with their vehicles outside Pustaka Miri.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR SEMESTER LIMA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

oleh : Rozana Octovia (rozanoru@sarawak.gov.my)

Seramai 35 pelajar semester lima Diploma Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak diiringi seorang pensyarah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Repositori Rekod Negeri pada Februari 2012 yang lalu. Lawatan yang bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar tentang peranan Pustaka Negeri Sarawak dalam mengurus bahan arkib serta sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan kepada para pelajar cara-cara memelihara bahan arkib yang diamalkan di Repositori Rekod Negeri. Para pelajar turut diberi pendedahan berkenaan kepentingan dalam menyerahkan salinan bahan-bahan terbitan tempatan ke Pustaka dan kepentingan pengurusan di sesebuah agensi dan jabatan.

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas berkenaan fungsi dan aktiviti yang dijalankan di Repositori Rekod Negeri dan dimana mereka berpeluang menyaksikan demonstrasi di tempat kerja pemeliharaan bahan arkib termasuklah proses pembersihan dokumen dan fail, reprografi bahan, kemasukan data ke dalam sistem COMPASS dan penjilidan bahan arkib.

Diharap sesi lawatan ini dapat memberi gambaran sedikit sebanyak kepada para pelajar tentang kepentingan dalam memelihara khazanah negara terutamanya rekod dan bahan arkib yang menjadi identiti jitu sesebuah negara.



Para pelajar sedang mendengar taklimat daripada Puan Arpah Adenan, Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori



PUSTAKA MIRI TURUT SERTA DALAM PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULIDUR RASUL 1433H PERINGKAT NEGERI SARAWAK

oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Seramai 25 orang staf Pustaka Miri telah menyertai Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Bahagian Miri pada 5 Februari 2012.

Kontinjen yang terdiri daripada ahli-ahli Kelab Sukan dan Rekreasi (KSR) Pustaka Miri berpakaian hitam dan ungu telah mempamerkan semangat ukhwah selaras dengan tema 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah'.

Perhimpunan telah berlangsung di Stadium Miri sebelum perarakan bermula. Perarakan tahun ini telah melalui beberapa jalan utama Bandaraya Miri sebelum berakhir di tapak permulaan.

Ianya telah dirasmikan oleh Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak, Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nasar dan turut hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri.

Sejumlah 150 kontinjen daripada agensi kerajaan, swasta, sekolah, institusi latihan dan persatuan telah menyertai majlis berkenaan.



PERTEMUAN BERSAMA KUMPULAN SASARAN PENULIS SARAWAK 15, 20 & 22 DISEMBER 2011

oleh Jassalini Jamain (jassalij@sarawak.gov.my)

Bahagian Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan, Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan perjumpaan dan berbincang bersama penulis-penulis Sarawak di bahagian Kuching, Miri dan Sibiu pada 15, 20 dan 22 Disember 2011.



Perjumpaan bersama kumpulan sasaran penulis di Kuching



Perbincangan bersama staf Pustaka Miri



Perjumpaan bersama kumpulan sasaran penulis di Sibiu

Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan pandangan daripada penulis tempatan dalam mengemaskini dan membuat penambahbaikan ke atas Sarawak Author's official Webpage serta meningkatkan lagi kualiti dan fungsi Pustaka Negeri Sarawak sebagai Pusat Serahan Bahan-Bahan Terbitan di Negeri Sarawak. Melalui perkhidmatan ini juga penulis berpeluang untuk mengetengahkan dan mempromosi perkembangan serta maklumat terkini yang berkaitan dengan aktiviti penerbitan mereka supaya dapat dikongsi bersama oleh seluruh masyarakat di Negeri Sarawak.



TALK ON APPRECIATING NATURE WALKS HELD AT PUSTAKA MIRI.

by Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

Miri... Pustaka Miri has once again collaborated with one of its smart partners – Malaysian Nature Society (MNS) Miri Branch to conduct a talk on 'Appreciating Nature Walks' on Saturday, 3rd March 2012.

Some 60 students joined the program which aimed to introduce one of the many conservation programmes by the State government, the roles Sarawak Forestry Corporation and MNS as well as putting a highlight on trekking as an avenue in appreciating nature.

This event took place in the AV Room at 9:00am and the two (2) invited speakers were Sunni bin Mali - Sibuti Wildlife Sanctuary's Park Ranger and Peter Pillai - MNS Miri Branch Chairman.

They shared colourful slides on nature walks which featured the beautiful flora and fauna at Niah and Mulu National Parks. The talk also covered aspects of nature walks including precautions that need to be taken seriously when encountering dangerous insects and animals.

The participants also had a surprise treat when the beauty queens of Miss Global International Malaysia 2011 joined them for the talk. They were the reigning queen Sheela Khaw Chwee Yin and second runners-up Esther Tan and Marlene Lim.



'METAMORFOSIS' MUSICAL DRAMA AT PUSTAKA MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Institut Pendidikan Guru Sarawak Campus collaborated with Pustaka Miri to stage a musical drama entitled '**Metamorfosis**' recently on Saturday, 25th February 2012.

Some 200 persons came to watch the musical, which was staged in Bahasa Malaysia, in the library's Auditorium from 2:00pm to 5:00pm.

The musical drama was aimed to promote awareness on dyslexia and at the same time, taught the audience drama techniques for contemporary drama as well as techniques to help students with dyslexia and motivate teenagers to be achievers.

'Metamorfosis' won the Best Choreographer Award during the 2011 Sarawak Chief Minister Cup Drama Competition in October 2011.

The actors, dancers and singers are multi-racial teacher trainees from a range of special fields including mathematics, English, Chinese, special education and remedial education.



The story is about a boy who was rejected because of dyslexia but became a great dancer and in turn, he helps others to develop their talents.

Although the staging for the musical was simple as it was a contemporary drama, the message it tried to convey was that everyone deserves a chance to shine and that everyone has something to offer.

Those who wish to find out more about the musical drama, can visit the website <http://contemporarydrama.blogspot.com/>



BENGGKEL PENULISAN ESEI SEJARAH

oleh : Jassalini Jamain (jassalij@sarawak.gov.my)



Pada 13 - 15 Januari 2012 Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak telah menganjurkan satu Bengkel Penulisan Esei Sejarah di Hotel ONE Santubong, Kuching. Objektif bengkel tersebut diadakan adalah untuk melahirkan penulis-penulis esei sejarah di pelbagai peringkat umur dan generasi seperti pelajar, penuntut universiti dan juga orang awam, selain menyemai semangat patriotik dan nasionalisme kepada generasi muda. Selain itu, objektif bengkel ini diadakan juga adalah untuk menggalakkan kajian dan penggalian maklumat mengenai pelbagai input sejarah di negara ini, terutamanya dalam garis waktu (timeline) yang berbeza-beza. Bengkel tersebut adalah bertujuan untuk mencungkil bakat serta menggilap kemahiran dan teknik menulis esei sejarah dengan lebih berkesan.

Bengkel yang berlangsung selama 3 hari tersebut telah disertai oleh seramai 104 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan latarbelakang pendidikan. Majlis penutupan bagi Bengkel Penulisan Esei Sejarah tersebut pula telah dirasmikan oleh Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS), Yang Berbahagia Datu Putit Matzen.



INTERESTING ART WORKSHOP ATTRACTED MANY

oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Pustaka Miri organized Creative Women Workshop: Decoupage – English-Styled Decorative Art (Bengkel Wanita Kreatif: Decoupage – Seni Hiasan Ala Inggeris) on Saturday, 28th January 2012.

The mini workshop was held at the library's Multipurpose Room and the facilitator is a local decoupage enthusiast Vivi Shalawati Ahmad who has been doing the handicraft for several years.

The workshop was to teach the participants decoupage skills which can be used to generate side income for housewives as well as working women.

Some 30 participants, including men, learnt the easy-to-apply techniques hands-on and brought home their masterpieces.

Decoupage is the art of decorating an object by gluing color paper cut-outs onto it in combination with special paint effects, gold leaf and so on. This hobby encourages recycling by using used items which in the end, become colourful and beautiful pieces of art.

PENYERAHAN BAHAN TERBITAN DI BAWAH KEPERLUAN SEKSYEN 15(1) SARAWAK STATE LIBRARY ORDINANCE, 1999 9 Februari 2012

oleh : Jassalini Jamain (jassalij@sarawak.gov.my)



Pada 9 Februari 2012 Bahagian Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan telah menerima di antaranya 5 buah salinan buku yang bertajuk 'From Belacan To FM' daripada Yang Berbahagia Datuk Haji Affandi Tahir.

Penyerahan bahan tersebut merupakan satu keperluan seperti yang terkandung di dalam seksyen 15(1), Sarawak State Library Ordinance, 1999, setiap penulis dan penerbit mesti memperuntukkan bahan yang diterbitkan dengan menyerahkan 5 buah salinan bahan yang bercetak dan 2 salinan bahan tidak bercetak kepada Pustaka Negeri Sarawak. Bahan-bahan bercetak seperti buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster. Manakala bahan tidak bercetak seperti filem, sinematografi, mikrofilem, piring hitam, rakaman video dan audio dan lain-lain media elektronik. Tujuan utama penyerahan bahan-bahan terbitan adalah untuk memastikan agar khazanah penulisan di Sarawak dapat dipelihara bukan sahaja untuk kegunaan penyelidikan dan cendekiawan hari ini tetapi juga untuk generasi akan datang.

Pustaka Negeri Sarawak joined Borneo Post International Education Fair 2012 @ Borneo Convention Centre Kuching (BCCK)

by : Alya Faeqah Hamali (alyath@sarawak.gov.my)

From 2nd - 3rd March 2012, Pustaka participated in the Borneo Post International Education Fair 2012 that was held at Borneo Convention Centre Kuching. The response at Pustaka counter booth from the public was overwhelming.

More than 300 people registered as Pustaka's members as well as renewing their memberships during the free membership drive promotion. In addition to this, they were also given the opportunity to receive Pustaka's 2012 exclusive merchandise.

During the two days event, Pustaka's team also took the opportunity to introduce and further promote the services and facilities offered at Pustaka. The various promotional activities also covered the Sarawakiana Series collection of CDs and books, the u-Pustaka membership including organizing fun quizzes for the public.

New members and those who renewed their membership will enjoy the benefits of borrowing 6 books for the duration of 2 weeks, usage of free online database and internet access (WiFi) at the library.

This is our second participation at such education fair and we are looking forward to join the next Borneo Post International Education Fair 2013!



It's free promotion!...Free membership offered to the public during the education fair.

STAFF NEWS



Nama
Mohd. Khadzrie Bin Mohd Ramzie Faizal
Jawatan
Pustakawan Gred S41
Bahagian/Sektor
Pustaka Miri
Tarikh Mula Melapor
1 November 2011



Nama
Nor Diana Nawawi
Jawatan
Pustakawan Gred S41 (Kontrak)
Bahagian/Sektor
Sektor Perkhidmatan Depositori
Tarikh Mula Melapor
3 Januari 2012



Nama
Amirewady @ Amir Hamzah Bin Ahmad
Jawatan
Pen. Peg. Perpustakaan Gred S27
Bahagian/Sektor
Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
Tarikh Mula Melapor
1 Januari 2012



Nama
Mohd. Bakhtiar Bin Haji
Jawatan
Juruteknik Gred J17
Bahagian/Sektor
Pustaka Miri
Tarikh Mula Melapor
3 Januari 2012



Nama
Shafinaz Afidia Andrew Affendy
Jawatan
Pen. Peg. Perpustakaan Gred S27
Bahagian/Sektor
Sektor Perkhidmatan Depositori
Tarikh Mula Melapor
1 Januari 2012



Nama
Munti Anak Berinaw
Jawatan
Pengawal Keselamatan Gred KP11 (Kontrak)
Bahagian/Sektor
Bah. Pengurusan Bangunan, Sektor Pengurusan Korporat
Tarikh Mula Melapor
1 March 2012



Nama Staf
NORASSIMA SITAM

Jawatan / Sektor
**PUSTAKAWAN/BAHAGIAN PERKHIDMATAN
MAKLUMAT**

Nama Pasangan
NOOR HISHAM ABDUL RAZAK

Tarikh Perkahwinan
7 JANUARI 2012



LISTING OF VISITS TO

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

| TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|----------------------|---|
| JANUARI 2012 | |
| 13 | Lawatan MAKSAK Wanita Negeri |
| FEBRUARI 2012 | |
| 2 | Lawatan Pustakawan UiTM, Kampus Bandaraya Melaka |
| 17 | Lawatan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putra Jaya Lawatan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang |
| 22 | Lawatan pelajar Program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (OMT167), Record Management, UiTM. |
| 24 | Lawatan Sekolah Kebangsaan Pantu |
| MAC 2012 | |
| 2 | Lawatan Sekolah Menengah Lodge |
| 15 | Lawatan Panel Penilai Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2011 |
| 20 | Lawatan Gereja St. Anthony Sarikei |



LISTING OF VISITS TO PUSTAKA MIRI

| TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------------|---|
| JANUARY 2012 | |
| 16 | Lawatan Great Minds Learning Technologies |
| MAC 2012 | |
| 3 | Lawatan PLKN Kem Sungai Rait, Miri |
| 29 | Lawatan SK Kuala Baram II |
| APRIL 2012 | |
| 7 | Lawatan UPM Bintulu |

